



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 24 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BANJIR: KPWKM BELUM ADA KEPERLUAN MOHON PERUNTUKAN TAMBAHAN - NANCY		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1375980/banjir-kpwkm-belum-ada-keperluan-mohon-peruntukan-tambahan-nancy	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/bfokus/news.php?id=2405358	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kpwkm-belum-ada-keperluan-mohon-peruntukan-tambahan-nancy-513663	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/719263/berita/nasional/banjir-kpwkm-belum-ada-keperluan-mohon-peruntukan-tambahan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=Mtc8EKgJ2Ew	YOUTUBE	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/23/banjir-kpwkm-sedia-salur-peruntukan-tambahan	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2405363	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-sees-no-immediate-need-for-additional-flood-relief-allocation-nancy-DO1384152	THESUN.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/03/23/flood-victims-to-receive-more-aid-if-needed-says-nancy/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/03/23/peruntukan-mencukupi-untuk-pengurusan-bencana-banjir/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/23/nancy-flood-aid-supplies-sufficient-no-request-for-more-funds-yet/170583	MALAYMAIL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	200 KANAK-KANAK CERIA TERIMA BAJU RAYA BAHARU SUMBANGAN YKN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/719285/edisi/sabah-sarawak/200-kanak-kanak-ceria-terima-baju-raya-baharu-sumbangan-ykn#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/23/200-kanak-kanak-terima-sumbangan-pakaian-duit-raya	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/03/23/foundations-sinar-syawal-2025-programme-benefits-over-600-santubong-folks/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.sarawaktribune.com/raja-outfits-for-200-children-under-yayasan-kebajikan-negara/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=nCRXl1oEPWI	YOUTUBE	
	https://www.sarawaktribune.com/aidilfitri-aid-food-baskets-for-600-santubong-constituents/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	RAKYAT MALAYSIA PEMURAH, PRIHATIN HULUR SUMBANGAN - NANCY		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-malaysia-pemurah-prihatin-hulur-sumbangan-nancy-513653	ASTROAWANI.COM	
	https://selangorkini.my/2025/03/menteri-rakyat-malaysia-pemurah-sentiasa-bantu-golongan-memerlukan/	SELANGORKINI.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2405357	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/03/23/rakyat-malaysia-prihatin-bantu-golongan-memerlukan/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/bfokus/news.php?id=2405383	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JAKIM PERKENAL KURSUS PASCA PERKAHWINAN, PERKUKUH INSTITUSI RUMAH TANGGA		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/719249/berita/nasional/jakim-perkenal-kursus-pasca-perkahwinan-perkukuh-institusi-rumah-tangga	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WANITA PERLU JADI EJEN PERUBAHAN MASYARAKAT-WAN AZIZAH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-perlu-jadi-ejen-perubahan-masyarakat-wan-azizah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2405298	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-jangan-takut-main-peranan-lebih-besar-wan-azizah-513658	ASTROAWANI.COM	
	https://www.wilayahku.com.my/dunia-perlukan-lebih-ramai-wanita-berani-berwawasan/	WILAYAHKU.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	CHILD SEX OFFENDERS MUST BE JAILED, SAY ACTIVISTS		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/23/child-sex-offenders-must-be-jailed-say-activists/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/23/pesalah-seks-kanak-kanak-mesti-dipenjara-kata-aktivis/	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	9,224 MANGSA BANJIR DI TIGA NEGERI, 57 PPS DIBUKA		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/9224-mangsa-banjir-di-tiga-negeri-57-pps-dibuka/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



24/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	POLIS SIASAT DAKWAAN WANITA DITAMPAR PEMANDU KERETA		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376003/polis-siasat-dakwa-wanita-ditampar-pemandu-kereta	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2405365	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2405368	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	ANGGOTA POLIS DIDAKWA CABUL REMAJA PEREMPUAN DI HOTEL		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200095/anggota-polis-didakwa-cabul-remaja-perempuan-di-hotel	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/23/disyaki-cabul-remaja-14-tahun-anggota-polis-ditahan/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/anggota-polis-direman-bantu-siasatan-kes-cabul-remaja/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/anggota-polis-direman-disyaki-cabul-remaja-perempuan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=hN-vtOe0cwY	YOUTUBE	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/23/cop-nabbed-for-allegedly-molesting-teen-at-hotel/	FREEMALYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	BANJIR: KPWKM SEDIA SALURKAN PERUNTUKAN TAMBAHAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	24 MAC 2025	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Banjir: KPWKM sedia salurkan peruntukan tambahan

Setakat ini kementerian belum ada menerima permohonan untuk peruntukan tambahan tersebut: Nancy

Oleh Marilinda Mardzuki

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia menyalurkan peruntukan tambahan sekiranya diperlukan bagi membantu mangsa banjir yang terjejas.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, setakat ini kementerian belum ada menerima permohonan untuk peruntukan tambahan tersebut.

"Namun, sekiranya ada kawasan yang memerlukan peruntukan tambahan, saya bersedia membawa perkara ini ke Kabinet atau menulis

permohonan kepada Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Perdana Menteri kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menyempurnakan Program Sinar Syawal Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Sumbangan Pakaian Raya Tajuan Alliance Islamic Bank Berhad di Pasar Raya Mydin Vista Tunku di Petra Jaya di sini, semalam.

Menurut Nancy, kerajaan sentiasa memastikan dana mencukupi bagi menghadapi sebarang bencana yang tidak dijangka, termasuk banjir.

"Kita tidak boleh meramal bila bencana akan berlaku

“Namun, sekiranya ada kawasan yang memerlukan peruntukan tambahan, saya bersedia membawa perkara ini ke Kabinet atau menulis permohonan kepada Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Perdana Menteri kita.”

Dato Sri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

tetapi kerajaan sentiasa mempunyai peruntukan mencukupi.

Oleh itu, setiap kali berlaku bencana, tiada masalah dalam

menyediakan bantuan.

"Selain itu, barangan di depo-depo penyimpanan akan segera diganti jika telah digunakan bagi memastikan



NANCY

bekalan sentiasa mencukupi," ujarnya.

Beliau menambah, bekalan bantuan di depo akan diganti berdasarkan keperluan setiap kawasan, negeri dan jumlah populasi yang

terjejas.

"Jika bekalan tidak mencukupi, kita akan menambah lagi. Proses ini berjalan secara berterusan bagi memastikan stok barangan kering dan keperluan tempat tinggal sentiasa tersedia," katanya.

Nancy turut memaklumkan bahawa selain bantuan kerajaan, ramai pihak termasuk penderma individu dan organisasi turut menghulurkan sumbangan kepada mangsa bencana.

Mengenai bantuan banjir di Sarawak termasuk Sibu, beliau memaklumkan bantuan dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak seperti

biasa.

"Sekarang Sibu sudah mula mengalami banjir, jadi bantuan juga sudah dihantar dan kita juga dibantu oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

"Di peringkat negeri, kita memang bekerjasama erat dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk memudahkan usaha menghantar bantuan di kawasan terjejas," ujarnya.

Setakat jam 2 petang, 23 Mac sebanyak enam Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka melibatkan daerah Kapit dan Sibu dengan 274 keluarga dan 951 mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 200 KANAK-KANAK TERIMA SUMBANGAN PAKAISAN, DUIT RAYA

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 MAC 2025

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK M

200 kanak-kanak terima sumbangan pakaian, duit raya

KUCHING: Seramai 200 kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan dalam kawasan Parlimen Santubong menerima sumbangan pakaian serta duit raya menerusi Program Sinar Syawal Yayasan Kebajikan Negara (YKN) 2025.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M) Dato Sri Nancy Shukri berkata, beliau bersyukur kerana program itu dapat menceriakan kanak-kanak terlibat, lebih-lebih lagi dengan peluang memilih sendiri pakaian raya yang mereka inginkan.

"Program ini hasil kerjasama erat antara YKN dan Alliance Islamic Bank Berhad, yang telah bermurah hati menaja sumbangan pakaian raya serta duit raya kepada 150 kanak-kanak di Kuching hari ini.



PILIH: Nancy menemani kanak-kanak penerima bantuan memilih baju raya pada Program Sinar Syawal YKN 2025 Sumbangan Pakaian Raya di Mydin Hypermarket Vista Tunku, Petra Jaya semalam. — Gambar Roystein Emmor

"Semalam (22 Mac), program sama diadakan di Lundu, melibatkan 50 penerima. Wajah ceria mereka ketika menerima

pakaian baharu benar-benar menyentuh hati.



Dari Muka 1

"Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan sedikit bebanan ibu bapa serta menceriakan sambutan Hari Raya mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Sinar Syawal YKN 2025 Sumbangan Pakaian Raya tajaan Alliance Islamic Bank Berhad di Mydin Hypermarket Vista Tunku, Petra Jaya di sini, semalam.

Schubungan itu, Nancy menzahirkan penghargaan kepada Alliance Islamic Bank Berhad atas komitmen mereka dalam menyokong kumpulan sasar KPWK M melalui YKN.

Beliau menyeru lebih banyak syarikat korporat dan organisasi tampil menyumbang bagi membantu golongan memerlukan.

"YKN sentiasa bersedia menjadi jambatan antara pihak korporat dan mereka yang memerlukan. Tam-

bahan pula, sumbangan tunai melalui YKN layak mendapat pengecualian cukai pendapatan," ujarnya.

Nancy turut berharap usaha kebajikan ini dapat diteruskan pada masa depan dengan lebih banyak penyertaan daripada pelbagai pihak.

Sementara itu, Nancy ketika ditemui media memaklumkan bahawa Program Sinar Syawal YKN tahun ini melibatkan lebih 600 penerima sumbangan di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Santubong iaitu Pantai Damai, Demak Laut dan Tanjong Datu.

Menurutnya, bantuan yang disalurkan bukan hanya dalam bentuk duit raya tetapi juga kotak makanan bagi membantu keluarga penerima.

Terdahulu, Nancy turut meluangkan masa bersama kanak-kanak penerima bantuan, menemani mereka memilih pakaian raya di pasar raya tersebut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	FLOOD VICTIM TO RECEIVE MORE AID IF NEEDED - NANCY		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	24 MAC 2025	M/SURAT :	01
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Nancy accompanies two children in selecting their new Raya clothes during the 'Program Sinar Syawal YKN 2025: Sumbangan Pakaian Raya' at Mydin Vista Tunku. — Photo by Roystein Emmor

Flood victims to receive more aid if needed – Nancy

Jude Toyat

KUCHING: The Ministry of Women, Family, and Community Development has assured that additional financial aid will be provided as needed for flood victims, with the Welfare Department managing relief efforts.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the ministry remains committed to ensuring

sufficient assistance for affected communities.

"If additional financial aid is required, we will provide it accordingly. Assistance is always available," she told a press conference after officiating at the 'Program Sinar Syawal YKN 2025: Sumbangan Pakaian Raya' at Mydin Vista Tunku here today.

She added that disaster response efforts are continuously monitored with relief supplies available at disaster depots.

Nancy also noted that flood relief operations in Sibul follow the same standard procedures as in other affected areas such as Bintulu and Miri, with multiple agencies including the National Disaster Management Agency (Nadma) involved in providing assistance.

She further reassured that the ministry has adequate funds for disaster relief and is prepared to seek additional resources if necessary.

"If the need arises, we will bring it up to the Cabinet or directly to the Finance Minister."

With Hari Raya approaching, Nancy highlighted efforts to support flood victims at temporary relief centres (PPS), including maintaining adequate manpower to ensure smooth operations.

As of 6pm yesterday, Sarawak had five active PPS across two divisions, Sibul and Kapit, sheltering 528 individuals.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rakyat Malaysia pemurah, prihatin hulur sumbangan - Nancy

Bernama

23/03/2025 16:59 MYT



Nancy berkata, semakin ramai organisasi dan individu tampil mendapatkan panduan daripada Kementerian serta agensi berkaitan mengenai platform yang sesuai untuk menyalurkan sumbangan. - Bernama

KUCHING: Rakyat Malaysia dikenal pasti sebagai masyarakat yang pemurah dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada kumpulan sasaran bagi meringankan beban mereka dalam menyambut perayaan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata semakin ramai organisasi dan individu tampil mendapatkan panduan daripada Kementerian serta agensi berkaitan mengenai platform yang sesuai untuk menyalurkan sumbangan mereka.

"Ada antara mereka yang bertanya bagaimana cara untuk membantu, jadi kami membantu dengan memberikan nama serta menghubungkan mereka kepada saluran yang tepat.

"Rakyat Malaysia memang pemurah, mereka mahu membantu kerana kumpulan sasaran ini ramai dan berada di seluruh negara," katanya pada sidang media Program Sinar Syawal YKN 2025 di sini, hari ini.

Terdahulu, Nancy yang juga Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyantuni 150 kanak-kanak daripada kumpulan sasaran di kawasan Parlimen Santubong dengan menyampaikan sumbangan pakaian raya baharu.

Selain itu, Alliance Islamic Bank Berhad selaku penaja program turut menghulurkan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang terlibat.

"Semalam, program sama diadakan di Lundu melibatkan 50 kanak-kanak. Secara keseluruhannya, seramai 200 kanak-kanak dari sekitar Kuching menerima sumbangan ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jakim perkenal kursus pasca perkahwinan, perkukuh institusi rumah tangga



ROSLINDA HASHIM

Follow

23 Mac 2025 04:19pm



Zulkifli (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan Ramadan kepada peserta program 'Wanita Darulaman Bertadabbur' di Jitra.

JITRA - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sentiasa menyemak dan menambah baik modul serta silibus kursus perkahwinan bagi memastikan ia relevan dengan keperluan semasa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan berkata, bagi memastikan kerukunan serta menangani keganasan rumah tangga, Jakim memperkenalkan kursus pasca perkahwinan.

Menurutnya, kursus berkenaan sebagai alternatif dalam mengukuhkan semula perkahwinan dan tidak diwajibkan kepada pasangan suami isteri.

"Kita bukan sahaja sediakan kursus pra perkahwinan, kini ada kursus pasca perkahwinan. Kita melihat ada keperluan untuk tambah baik apa yang kita lakukan supaya dapat memberikan bimbingan dan kefahaman dalam menguruskan keluarga atau isu-isu berbangkit," katanya ketika hadir program 'Wanita Darulaman Bertadabbur' di Pusat Pendidikan Al-Azhar, dekat sini pada Ahad.

Zulkifli berkata, pemantapan institusi rumah tangga yang sudah dibina itu dilengkapi ilmu dan kemahiran serta pelbagai pengetahuan lain seperti kesihatan, psikologi, pendidikan agama dan sebagainya.

"Kursus ini sudah mendapat sambutan menggalakkan dan diharap dapat memberi impak yang baik kepada sesebuah keluarga, cuma ia belum dilaksanakan sepenuhnya lagi," katanya.

Jelasnya, usaha pemeraksanaan itu melibatkan kajian dan semakan oleh pakar pendidikan, kesihatan, serta pelbagai bidang lain bagi memastikan modul yang digunakan memberi manfaat menyeluruh.

"Jakim sentiasa menyemak dari masa ke semasa untuk menambah baik semua modul dan silibus kursus perkahwinan. Kita masukkan elemen-elemen yang diperlukan, dan ia diteliti oleh pakar-pakar berkaitan.

"Kursus pasca-perkahwinan diwujudkan bertujuan memberikan bimbingan dan pendekatan kepada pasangan yang telah berkahwin menguruskan keluarga serta menangani isu-isu rumah tangga secara lebih berkesan," ujarnya.

Tambah beliau, walaupun kursus pasca perkahwinan belum diwajibkan sepenuhnya, ia mendapat sambutan sangat baik kalangan pasangan suami isteri yang ingin memperkukuhkan institusi perkahwinan mereka.

"Kami harap inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan lebih meluas bagi memastikan kesejahteraan keluarga dan keharmonian rumah tangga terpelihara," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	WANITA DIGESA LEBIH BERANI BANTU BANGUNKAN NEGARA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	24 MAC 2025	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Dr Wan Azizah bersama penerima sumbangan pada Program Ilmu MADANI Wanita Mukminah Kepimpinan Berhikmah dan Cendera Kasih Aidilfitri di Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Wanita digesa lebih berani bantu bangunkan negara

Kuala Lumpur: Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menggesa agar golongan wanita tidak takut untuk melangkah ke hadapan bagi memainkan fungsi lebih besar dalam pembangunan negara dan menjadi ejen perubahan ke arah masyarakat yang lebih sejahtera.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak itu berkata, dunia hari

ini memerlukan lebih ramai wanita yang berani, berwawasan dan mempunyai hikmah dalam kepimpinan.

“Sejarah membuktikan bahawa wanita memainkan peranan besar dalam pembentukan peradaban Islam. Contohnya, Sayidatina Khadijah, seorang wanita yang bukan sahaja menjadi isteri Rasulullah SAW, tetapi juga seorang ahli

perniagaan yang berjaya dan pendukung utama dakwah Islam.

“Begitu juga dengan Sayidatina Aisyah, seorang ilmuwan dan perawi hadis yang ilmunya menjadi rujukan sepanjang zaman. Kepimpinan wanita dalam Islam bukan sekadar berada di belakang tabir, tetapi turut menyumbang secara langsung dalam aspek

pentadbiran, pendidikan dan pembangunan masyarakat.

“Wanita bukan hanya pelengkap, tetapi pemimpin yang boleh membawa perubahan dengan nilai-nilai hikmah dan kebijaksanaan,” katanya ketika berucap merasmikan Program Ilmu MADANI: Wanita Mukminah Kepimpinan Berhikmah di sini, semalam.

Wan Azizah berkata, kepe-

mimpinan yang berhikmah perlulah berasaskan kepada nilai-nilai keimanan, keilmuan dan kebijaksanaan, keadilan dan kesaksamaan serta kasih sayang dan empati.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sumbangan hari raya kepada 1,000 wanita yang memerlukan dari seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	TAKE ON GREATER ROLES IN PROGRESS, WOMEN URGED		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	24 MAC 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Take on greater roles in progress, women urged

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, the wife of the prime minister, has urged women to step forward with confidence and take on greater roles in national development, serving as agents of change for a more prosperous society.

The Bandar Tun Razak MP emphasised the need for more women who are courageous, visionary, and wise in leadership, to navigate today's world.

"History has shown that women have played a pivotal role in shaping Islamic civilisation. For instance, Saidatina Khadijah was not only the wife of Prophet Muhammad SAW, but also a successful businesswoman and a key supporter of the Islamic *dakwah*.

"The same applies to Saidatina Aisyah, a renowned scholar and *hadith* narrator, whose knowledge has served as a reference for generations.

"Women are not merely complements; they are leaders capable of driving change, through wisdom and discernment," she said when officiating at the "Ilmu Madani: Wanita Mukminah Kepimpinan Berhikmah" programme here yesterday.

Wan Azizah also presented Aidilfitri donations to 1,000 underprivileged women from across the Federal Territory of Kuala Lumpur. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : BE FEARLESS IN TAKING ON GREATER ROLES, WOMEN TOLD

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 24 MAC 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Dr Wan Azizah greets programme attendees upon her arrival at the venue. — Bernama photo

Be fearless in taking on greater roles, women told

KUALA LUMPUR: Women need to step forward with confidence and take on greater roles in national development, serving as agents of change for a more prosperous society, said Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

The Bandar Tun Razak MP emphasised the need for more women who are courageous, visionary, and wise in leadership, to navigate today's world.

"History has shown that women have played a pivotal role in shaping Islamic civilisation. For instance, Saidatina Khadijah was not only the wife of Prophet

Muhammad SAW, but also a successful businesswoman and a key supporter of the Islamic dakwah.

"The same applies to Saidatina Aisyah, a renowned scholar and hadith narrator, whose knowledge has served as a reference for generations. Women's leadership in Islam is not confined to the background, but extends to administration, education, and community development, making a direct and lasting impact.

"Women are not merely complements; they are leaders capable of driving

change, through wisdom and discernment," she said when officiating the 'Ilmu Madani: Wanita Mukminah Kepimpinan Berhikmah' programme, here yesterday.

The wife of the Prime Minister added that wise leadership must be rooted in faith, enriched in knowledge and discernment, justice and equality, as well as love and empathy.

At the event, Dr Wan Azizah also presented Aidilfitri donations to 1,000 underprivileged women from across the Federal Territory of Kuala Lumpur. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	WOMEN MUST BE AGENTS OF CHANGE, SAYS WAN AZIZAH		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAIT TIMES
TARIKH :	24 MAC 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (second from left) presenting Aidilfitri contributions at the Ilmu Madani: Wanita Mukminah Kepimpinan Berhikmah programme in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

PROSPEROUS SOCIETY

Women must be agents of change, says Wan Azizah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, the wife of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, has urged women to step forward with confidence and take on greater roles in national development, serving as agents of change for a more prosperous society.

The Bandar Tun Razak member of parliament said there was a need for more women who were courageous, visionary and wise

in leadership to navigate today's world.

"History has shown that women have played a pivotal role in shaping Islamic civilisation.

"For instance, Saidatina Khadijah was not only the wife of Prophet Muhammad, but also a successful businesswoman and a key supporter of the Islamic *dakwah*.

"The same applies to Saidatina Aisyah, a renowned scholar and

hadith narrator, whose knowledge has served as a reference for generations.

"Women's leadership in Islam is not confined to the background, but extends to administration, education and community development, making a direct and lasting impact.

"Women are not merely complements, they are leaders capable of driving change, through wisdom and discernment," she

said when officiating at the Ilmu Madani: Wanita Mukminah Kepimpinan Berhikmah programme here yesterday.

She added that wise leadership must be rooted in faith, enriched by knowledge and discernment, justice and equality, as well as love and empathy.

Dr Wan Azizah also presented Aidilfitri donations to 1,000 underprivileged women from the capital here. **Bernamea**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Child sex offenders must be jailed, say activists

Tan Chin Tung - 23 Mar 2025, 07:00 AM

Yayasan Chow Kit co-founder Dr Hartini Zainudin says mandatory jail terms can deter potential offenders and serve as a measure of justice for the victims.

Most Viewed L



Mandatory jail terms for sexual offences against children would have a greater impact, say an MP and a social worker. (File pic)

PETALING JAYA: An activist and a former MP have called for mandatory jail terms to be imposed on those convicted of sexual offences against children.

Their calls came amid disquiet over the sentence of only a fine on a man convicted of filming inappropriate videos of his stepdaughter.

Yayasan Chow Kit co-founder Dr Hartini Zainudin said imprisonment could deter potential offenders and serve as a measure of justice for the victims.

"Imposing fines alone may not be sufficient to prevent recidivism in such serious offences. Stricter penalties, including mandatory jail time, can serve as a deterrent and reinforce societal condemnation of such acts," she told FMT.

Former Klang MP Charles Santiago, who co-chairs an Asean parliamentary group on human rights, said jail terms would have a greater impact and "will certainly help in reducing the number of cases".

Imprisonment was considered a shameful thing "and people are very aware of that", he said.

Hartini and Santiago's comments were in response to calls for a harsher sentence to be imposed on a 56-year-old man recently fined RM6,000 in Muar for recording and possessing videos of his 15-year-old stepdaughter in the nude.

The charge provides for up to five years in prison, a maximum fine of RM10,000, or both, upon conviction.

MCA deputy secretary-general Dr Pamela Yong said the fine was "an absolute travesty of justice" and failed to reflect the severity of his crime.

Subsequently, the minister for women, family and community development, Nancy Shukri, also called for more severe punishment, saying it would not only deliver justice for the victim but also deter others from committing similar crimes.

Santiago said the sexual offender registry should be made publicly accessible, allowing potential employers and others to browse it freely. "Once you put it up for the public to see, nobody wants to be on that list," he said.

He said teacher training institutes should have a module to equip educators with the skills to recognise signs of sexual abuse and effectively pass this knowledge on to their students.

"Awareness building should be done across the board. Children should be able to detect signs of sexual violence, and when their privacy has been breached," he said.

"This kind of information should be made available to children in schools, homes, places of worship and anywhere people congregate."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JUMLAH MANGSA BANJIR DI PPS MENURUN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Jumlah mangsa banjir di PPS menurun

Kuala Lumpur: Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga negeri mencatatkan penurunan kepada 8,274 orang pagi semalam berbanding 9,218 petang kelmarin.

Di Johor, jumlah mangsa banjir terus mencatatkan

penurunan kepada 6,911 orang daripada 2,068 keluarga setakat 8 pagi semalam, berbanding 8,040 orang 2,485 keluarga, petang kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Tan Sri Dr Azmi Rohani dalam satu kenyataan semalam berkata,

semua mangsa di 43 PPS yang beroperasi di lima daerah terjejas.

“Johor Bahru kekal mencatatkan jumlah mangsa tertinggi dengan 3,435 orang, diikuti Kluang (1,620), Pontian (1,426), Batu Pahat (340) dan Kota Tinggi pula 90 orang,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis siasat dakwaan wanita ditampar pemandu kereta

BERNAMA - Mac 23, 2025 @ 5:28pm



LABUAN: Polis sedang menyiasat insiden wanita ditampar seorang pemandu lelaki selepas berlaku pertengkar di jalan raya berhampiran Pasar Raya Besar Bataras di Jalan Tun Mustapha di sini pada Jumaat.

Ketua Polis Labuan, Superintendan Mohd Hamizi Halim, berkata insiden membabitkan wanita berusia 28 tahun itu dipercayai berlaku pada 2 petang selepas keretanya hampir bertembung dengan kenderaan suspek yang berusia 40 tahun.

Lelaki itu dikatakan memandu secara melulu, menyebabkan wanita berkenaan terpaksa menekan brek secara mengejut untuk mengelakkan pelanggaran.

"Berikutan itu, berlaku pertengkar dan suspek dikatakan menampar pipi kiri wanita berkenaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Hamizi berkata kedua-duanya pergi ke balai polis pada hari kejadian tetapi tiada laporan dibuat.

Beliau berkata mereka kembali ke balai polis pada Sabtu untuk membuat laporan dan polis membuka dua kertas siasatan terhadap suspek, pertama di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan yang kedua di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Polis menggesa orang ramai supaya tidak membuat spekulasi mengenai kejadian yang telah tular itu. –
BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anggota polis didakwa cabul remaja perempuan di hotel

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



FOTO HIASAN.

Subang Jaya: Seorang remaja perempuan trauma selepas mendakwa dicabul anggota polis di sebuah hotel di Jalan USJ, Sentral 1 di sini, Rabu lalu.

Menurut sumber, dalam kejadian pada 11.40 malam itu, mangsa yang berusia 14 tahun itu ketika itu menginap di hotel bersama kenalan lelaki sebelum pintu bilik mereka diketuk.

"Sebaik dibuka pintu, seorang anggota polis bersama bapa mangsa yang mencarinya datang dan masuk ke dalam bilik hotel.

"Bagaimanapun, ketika pemeriksaan itu mangsa mendakwa dicabul anggota polis terbabit," katanya.

Susulan itu, dia tampil membuat laporan di Balai Polis USJ 8 untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan mengesahkan menerima laporan itu dan anggota polis terbabit sudah ditahan bagi membantu siasatan.

Menurutnya, anggota terbabit pada mulanya pergi mencari mangsa bersama bapa remaja terbabit sebelum berlaku kejadian itu.

"Suspek kini direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan," katanya ketika dihubungi Harian Metro hari ini.